

**TITAH UCAPAN RAJA MUDA PERLIS
DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL
SEMPENA MAJLIS SANTAPAN MALAM BERSAMA DYTM TUANKU
CANSELOR UniMAP TAHUN 2019
BERTEMPAT DI KELAB GOLF PUTRA (KGP) PERLIS,
SUNGAI BATU PAHAT, KANGAR, PERLIS
PADA 16 JANUARI 2019, JAM 8.45 MALAM**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

“Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”

serta *“Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP”*.

Alhamdulillah, Saya bersyukur kehadiran Allah Aza Wajalla kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua maka dapatlah kita bersama-sama pada malam yang sungguh indah lagi berbahagia ini.

Pertama sekali, Saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada pihak UniMAP khususnya Jawatankuasa Pelaksana serta semua pihak yang menjayakan majlis pada malam ini dan juga sesi riadah pada petang tadi.

Seterusnya, Saya mengalu-alukan kehadiran Peng
Naib Canselor dan Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Ketua-Ketua Jabatan, para pegawai, pelajar serta semua yang dapat meluangkan masa.

Hadirin sekalian,

Terlebih dahulu Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di atas pengiktirafan lima bintang oleh Sistem Penilaian *Quacquarelli Symonds (QS) Stars Rating* baru-baru ini. Ini

merupakan pengiktirafan yang begitu baik kepada UniMAP dan Saya sebagai Canselor berasa amat-amat berbangga kerana kita merupakan universiti ke-8 daripada 21 buah universiti di Malaysia yang menerima pengiktirafan lima bintang ini. Sesungguhnya, kejayaan ini merupakan hasil kerja kuat yang berterusan daripada semua warga UniMAP dalam pelbagai aspek yang melayakkan universiti ini diberi penghargaan seumpama ini. Tahniah!

Hadirin sekalian,

Walaupun pelbagai kejayaan manis yang telah UniMAP berjaya tempuhi sepanjang tahun 2018 yang lalu, janganlah kita mudah berasa selesa dengan semua itu. Ini kerana, kepesatan bidang pendidikan dunia hari ini sedang berkembang dengan begitu pantas sekali. Ini dapat dilihat dengan jelas sehinggakan Britain sendiri yang merupakan peneraju hab akademik dunia, telah jatuh ke tangga kedua. Oleh itu, harapan Saya agar UniMAP akan lebih proaktif bagi memacu Pelan Strategik UniMAP 2018-2025 yang telah dirancang.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini, untuk mengingatkan kepada seluruh warga UniMAP supaya memberikan perhatian serius kepada perkara-perkara berikut:

Pertama - Penetapan Azam Yang Lebih Realistik.

Kita hendaklah lebih realistik dalam meletakkan sasaran untuk tahun 2019 ini. Janganlah kita terlalu taksud dan menetapkan sesuatu 'target' pada tahap yang terlalu tinggi, tetapi haruslah terhadap apa yang kita selayaknya capai ketika ini dan pada tahap yang paling terbaik. Namun, jika kita menetapkan sasaran yang terlalu rendah pula, maka kita tidak akan memberikan 100% usaha untuk berada di kedudukan yang terbaik.

Kedua – ‘*Post-Mortem*’ atau Pasca Nilai.

Kita perlu merenung kembali di manakah salah dan silap yang menghalang kita berprestasi seperti sepatutnya. Di manakah kecuaiian dan kelalaian kita? Apakah yang telah menghalang? Kita seharusnya perlu melihat dan menganalisa setiap daripada tindakan dan perancangan yang telah dilaksanakan dan bagaimana sesuatu itu boleh diperbetul dan diperbaiki.

Ketiga – ‘*Backup Plans*’ atau Pelan Sandaran.

Universiti perlu menyediakan pelan atau rancangan sandaran (*Backup Plan*) atau strategi jangka panjang untuk memulihkan institusi individu dan sektor secara keseluruhan sekiranya racangan asal tersasar daripada landasan, seterusnya

Keempat - Merekrut Sumber Manusia.

Pencapaian universiti bergantung kepada sikap dan kerjasama daripada kakitangan dalam memberikan pendidikan berkualiti kepada pelajar. Cabaran utama dalam merekrut sumber manusia yang berkualiti adalah untuk mengenal pasti individu yang pakar dalam sesuatu bidang. Oleh itu, pihak universiti perlu mengambil pendekatan inovatif dalam merekrut dan mengekalkan bakat yang diperlukan untuk mengatasi sebarang jurang yang ketara dengan universiti-universiti lain di rantau ini.

Pada masa yang sama, Saya ingin ingatkan juga bahawa tahun 2019 ini mungkin menjadi tahun yang mencabar bagi pendidikan tinggi di seluruh dunia. Oleh itu, UniMAP perlulah membangunkan strategi bagi mengatasi sebarang bentuk rintangan mahupun kemungkinan yang bakal berlaku bak kata pepatah; “*Sediakanlah payung sebelum hujan*”.

Hadirin sekalian,

Mengakhiri titah, Saya mengharapkan agar suku pertama bagi tahun ini, UniMAP akan dapat bermula dengan langkah yang jitu bagi meraih kejayaan yang lebih baik dan sama-samalah kita meningkatkan daya usaha selain berdoa agar universiti tercinta kita semua ini akan sentiasa di landasan yang betul dan melonjakkan namanya di persada pendidikan dunia, InsyaAllah.

Wabillahitaufik Walhidayah Wasalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.